

POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
No. 64, Jalan Suria 19
Taman Putera
81100 Johor Bahru
JOHOR, MALAYSIA



Tel. : 07-335 8851/52
Faks : 07-335 8854
Laman Web : www.pmjb.edu.my
Facebook :
PoliteknikMETROJohorBahru

Ruj. Kami : PMJB.600-1/2 (75)
Tarikh : 17 Februari 2021

Kepada pelajar yang dihormati,

**KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEMESTER 1 SECARA FIZIKAL KE KAMPUS
POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU (PMJB) SESI DISEMBER 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui kenyataan media pada 31 Januari 2021 bertajuk **"Kemasukan Semua Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021"** telah membenarkan enam (6) kategori pelajar berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021 bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid. Ketetapan ini dilaksanakan berdasarkan sesi libat urus KPT bersama Majlis Perwakilan Pelajar, pihak pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Berdasarkan daripada hasil ketetapan tersebut, **semua pelajar baharu semester 1 sesi Disember 2020 akan mengikuti PdP secara hibrid di kampus iaitu secara fizikal dan secara dalam talian**. Aktiviti akademik di kampus akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan oleh KPT dan PMJB serta mengamalkan pembudayaan norma baharu.

4. Mesyuarat Pendaftaran Pelajar Baharu sesi Disember 2020 telah memutuskan bahawa kemasukan pelajar baharu semester 1 sesi Disember 2020 akan dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 1 Mac 2021 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Politeknik METRO Johor Bahru

5. Sehubungan dengan itu, pelajar baharu semester 1 yang akan melapor diri perlu melakukan:

- a) **PENGASINGAN KENDIRI selama 10 HARI sebelum hari pendaftaran.**
 - i. Pelajar perlu memastikan sentiasa berada di dalam rumah.
 - ii. Keluar rumah sekiranya perlu sahaja dengan mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
 - iii. Menjaga kesihatan supaya berada dalam keadaan yang baik.
- b) **Mengisi Borang Deklarasi Kesihatan** yang disediakan oleh pihak Politeknik METRO Johor Bahru.
 - i. Borang tersebut perlu disahkan oleh ibu bapa pelajar.
 - ii. Borang perlu diisi dan disahkan dengan jujur.

Pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyerahkan Borang Deklarasi Covid-19 ketika melapor diri serta mematuhi panduan dan syarat yang telah ditetapkan.

- c) Pelajar yang telah berada di rumah sewa, perlu melaksanakan pengasingan sendiri dan **TIDAK DIBENARKAN** untuk pulang ke kediaman ibu bapa/penjaga dalam tempoh 10 hari selepas pendaftaran pada 1 Mac 2021.


6. Bagi memastikan proses PdP dapat berjalan dengan efisien, pihak pengurusan Politeknik amat menggalakkan pelajar untuk membawa pelitup muka dan cecair pensanitasi tangan secukupnya untuk kegunaan sendiri.

7. Diharap semua pelajar dapat membuat persediaan untuk hadir ke kampus PMJB dengan mematuhi SOP dan garis panduan yang telah ditetapkan pada tarikh yang dinyatakan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan kemusykilan sila hubungi unit Hal Ehwal Pelajar PMJB di talian 07 3358851/52.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. AZIRIN BIN ABDUL AZIZ)
Pengerah
Politeknik METRO Johor Bahru

s.k Ketua Jabatan Akademik